

Ambil langkah awal elak bencana alam

U mum mengetahui negara pada masa ini sedang melalui musim Angin Timur Laut atau lebih dikenali sebagai musim tengkujuh yang mana kebanyakan negeri, terutama di Pantai Timur akan mengalami limpahan hujan yang banyak sehingga Januari. Negeri di utara Semenanjung serta beberapa tempat di Sarawak juga dikatakan akan menerima limpahan hujan.

Berdasarkan pengalaman, pelbagai insiden boleh berlaku sepanjang musim ini seperti banjir kilat, banjir lumpur dan runtuh tanah. Jika tiada langkah persediaan diambil nescaya ia boleh membawa kepada kesan buruk terhadap kemusnahan harta benda serta kehilangan nyawa.

Buat persediaan awal

Pihak berkaitan termasuk penduduk yang berada di sekitar kawasan berisiko tinggi berlaku bencana alam perlu mengambil langkah persediaan bagi mengelakkan perkara tidak diingini. Baru-baru ini kita digemparkan dengan insiden banjir lumpur di Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak. Walaupun tiada kehilangan nyawa atau kecederaan serius, kesan banjir lumpur itu menyebabkan berlakunya kesesakan luar biasa di jalan raya.

Pelbagai teori mula timbul mengenai punca banjir lumpur itu. Sementara siasatan dijalankan, pihak berkaitan keselamatan jalan raya seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) boleh mengambil langkah awal me-



Insiden tanah runtuh atau banjir sering terjadi apabila tiba musim tengkujuh.

(GAMBAR HIASAN)

eriksa serta menilai tahap keselamatan jalan raya terutama di kawasan berbukit yang banyak terdapat di sepanjang jalan raya di negara ini.

Di kala negara sedang mengalami musim hujan untuk tempoh beberapa bulan akan datang, sudah pasti akan berlaku perkara tidak diingini sekiranya aspek pengawalan serta pemantauan berkesan serta berterusan tidak dilakukan. Antara yang perlu diberi perhatian ialah tahap keselamatan cerun di jalan raya di negara ini.

Pihak berkaitan perlu memastikan cerun yang ada dalam keadaan baik serta stabil. Tindakan awal perlu diambil

sekiranya didapati cerun berkenaan berada dalam keadaan tidak memuaskan.

Pelbagai langkah boleh diambil seperti melakukan pemantauan berkesan serta berterusan, memastikan wujudnya sistem saliran atau perparitan yang baik serta tidak dipenuhi sampah supaya sebarang limpahan air dapat disalurkan ke kawasan sepatutnya tanpa menjejaskan tahap kestabilan struktur tanah di cerun bukit serta melakukan aktiviti penanaman rumput atau pokok kecil yang boleh menyerap limpahan air.

Kerjasama semua pihak penting bagi memastikan tiada kejadian tidak diingini dengan

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bharian.com.my

melaporkan segera sebarang perkara meragukan.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).